

Nasihat untuk memerangi *riya'*

❑ Seseorang yang menderitai penyakit yang berat ini selalunya tidak sedar bahawa ia telah menyusup ke dalam dirinya dan maka menjadikan segala amalannya sia-sia. Jika manusia tidak berhati-hati dalam menjaga dirinya sendiri, ia tidak akan memahami kejahatan ini kerana godaan syaitan adalah halus, keinginan nafsu manusia adalah kuat dan perjalanan hidup manusia pula adalah penuh dengan dugaan. Penyakit ini membayangkan kepada seseorang bahawa perbuatan-perbuatannya adalah untuk mendapatkan keredaaan Allah, tetapi realitinya ialah ia melakukan perbuatan-perbuatan tersebut demi menjaga kepentingan dirinya sendiri.

❑ Kita hendaklah sentiasa menghisab diri kita dan sering bertanya dalam hati kita tentang niat kita dalam melakukan segala perbuatan, perkataan dan ibadah kepada Allah. Adakah anda merasakan kesungguhan yang sama dalam melakukan kebaikan, bersembahyang atau berpuasa apabila anda sedang bersendirian dan apabila perbuatan-perbuatan ini tidak diketahui oleh orang lain? Adakah anda melakukan kebaikan semata-mata untuk mencari keredaaan Allah? Adakah anda mempunyai keinginan untuk mendapat pujian daripada rakan-rakan anda setelah melakukan perbuatan-perbuatan baik, usaha-usaha mencari ilmu, membaca doa-doa yang panjang dan melakukan amalan-amalan saleh? Apakah perasaan anda apabila anda tidak dipuji setelah melakukan sesuatu perbuatan baik? Cuba bandingkan perasaan anda semasa melakukan sesuatu perbuatan di khalayak ramai dan semasa melakukan perbuatan yang sama bilamana peluang untuk dilihat oleh orang lain adalah sangat sedikit. Jika, minta dijauhkan Allah, anda lebih gemar melakukan perbuatan baik atau menyembah Allah apabila anda berada di kalangan rakan-rakan anda atau ketika berada di khalayak ramai atau apabila berkemungkinan besar perbuatan anda itu akan dilihat atau akan dipuji, maka ketahuilah bahawa anda adalah mangsa *riya'*.

❑ Jika anda sedang dalam usaha untuk mendapatkan ilmu, menjadi mangsa *riya'* akan membuatkan anda ingin mendapat kedudukan penting di kalangan cendekiawan atau orang-orang yang dihormati dengan cara menyelesaikan sesuatu masalah yang penting atau membentangkan sesuatu topik dengan sesuatu cara yang unik yang akan menjadikan anda sebagai tumpuan, supaya para cendekiawan dan orang-orang yang dihormati itu memandang tinggi dan menyanjung anda, di samping orang ramai juga memuji anda. Cubalah bertanya kepada diri anda: Adakah aku akan mengalami perasaan yang sama jika sebaliknya, sahabatku yang melakukan perbuatan ini di hadapan orang lain atau jika ia melakukannya dengan cara yang lebih baik? Adakah perbuatan ini aku lakukan demi Tuhanku?

❑ Ambil langkah tegas untuk membuang *riya'* dari dalam diri anda kerana ia sedang membawa anda menuju ke neraka. Hapuskan keinginan untuk mendapat pujian makhluk atas tindakan-tindakan yang anda ambil demi Allah. Lakukan kesemua perbuatan sebagai tanggungjawab anda kepada Allah. Berusahalah mengatasi keinginan untuk melakukan ibadah dan perbuatan-perbuatan terpuji di khalayak ramai atau di tempat-tempat di mana terdapat peluang-peluang untuk mendapat pujian, sehinggalah keinginan-keinginan ini terhapus dan hilang dari dalam hati anda. Berdoalah banyak-banyak supaya Allah membersihkan hati anda dari kesan-kesan *syirik*, *kemunafikan* dan perasaan cinta kepada keduniaan, yang merupakan sumber kepada kesemua maksiat.

Kesimpulan:

❑ Nabi (SAAW) berkata bahawa: “Seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan yang disukai oleh Allah demi untuk menunjuk-nunjuk, dan secara rahsia mempunyai sikap yang tidak disukai oleh Allah, maka dia akan mendapat kemurkaan dan kemarahan Allah.” [Al-Hurr al-'Amili, *al-Wasa'il*, v.1, ms.69]

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan dengan Islam yang sebenarnya, sila lawati:

<http://al-islam.org/faq>

... apabila mereka berdiri untuk solat, mereka berdiri dengan malas; mereka melakukannya demi untuk dilihat manusia dan tidak mengingati Allah melainkan sedikit

(Qur'an, 4: 142)

Imam al-Sadiq (AS) berkata: “*Riya'* di dalam bentuk apa sekalipun adalah membawa kepada syirik; sesungguhnya, seseorang yang bekerja demi manusia, balasannya akan didapati daripada manusia, dan seseorang yang bekerja demi Allah, akan mendapat balasannya dari Allah.”

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, p. 402]

Penyakit-penyakit Hati...

Riya'

Imam al-Sadiq (AS) melaporkan bahawa Amirul Mukminin Ali ibn Abi Talib (AS) berkata: “Terdapat tiga perkara yang membezakan wajah seseorang yang biasa dengan *riya'*: ia gembira dan ceria apabila ia disapa oleh orang ramai; ia menjadi sugul dan pemarah apabila ia bersendirian; dan ia ingin dipuji untuk segala perbuatan yang ia lakukan.”

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, ms. 295]

Apakah itu *riya'*?

Riya' bermaksud seseorang itu dengan sengaja berpura-pura kelihatan terpuji, bersikap baik atau beriman di hadapan orang ramai demi mendapat sanjungan dan pujian mereka, atau untuk mendapat penghormatan di kalangan mereka. Ia berbeza dengan *nifaq* dalam ertikata bahawa seorang munafik berpura-pura tulus, lurus, bermaruah, jujur dan alim tanpa niat ikhlas untuk mendapatkan ciri-ciri peribadi ini demi Allah, manakala seseorang dengan *riya'* mendapatkan sikap-sikap yang baik ini demi mendapatkan keredaan Allah. Walaubagaimanapun, ia kemudiannya melakukan perbuatan-perbuatan baik supaya ia dihormati dan mendapat kedudukan yang baik di kalangan orang ramai.

Tahap-tahap *riya'*

□ Tahap pertama: Seseorang itu menunjuk-nunjuk kekuatan pegangan agamanya dan mempamirkan pengetahuannya tentang ajaran-ajaran agama untuk memberi gambaran kepada orang ramai bahawa ia adalah seorang yang jujur supaya mereka meyakini dan menghormatinya. Contohnya, ia menunjukkan kepercayaannya kepada Allah dan kekuasaanNya, menyatakan bahawa ia tidak percaya kepada selain dari Dia. Apabila dibincangkan mengenai kepercayaan kepada Allah dan tunduk kepada kehendakNya, ia akan mengangguk dan mengeluarkan pendapat bersetuju, dengan itu menipu orang ramai yang dengan itu menganggap bahawa ia adalah seorang yang beriman. *Riya'* pada tahap ini juga dapat dilihat dalam diri seorang yang memadamkan kepercayaan palsu dalam hatinya dan, melalui proses pembersihan itu kerana ingin mendapat keyakinan dan penghormatan di kalangan orang ramai. Seterusnya ia memperagakan dengan jelas atau menunjukkan secara tidak langsung kesucian hatinya. Contohnya, apabila disebutkan perkataan *nifaq*, perkataannya atau tindakannya adalah seolah-olah orang yang bersih daripada sifat ini.

□ Tahap kedua: Seseorang itu menunjukkan kepada orang ramai kealiman dan kemuliaan kesemua perbuatannya dan seterusnya berkelakuan seolah-olah seperti ia tidak mengamalkan maksiat. Tujuannya ialah untuk mendapatkan keyakinan orang ramai. Contohnya, seseorang itu akan bersedekah kepada badan kebajikan supaya ia dihormati dan mendapat pujian.

□ Tahap ketiga: Ia berlaku apabila seseorang itu melakukan ibadah-ibadah yang tertentu dan perbuatan-perbuatan baik secara terang-terangan di hadapan orang lain dengan alasan munasabah dan berniat untuk menunjukkan bahawa ia adalah seorang yang berpegang teguh kepada agama atau menjauhkan diri dari melakukan kejahatan. Ia dengan itu ingin memenangi hati orang ramai dan menarik perhatian mereka kepadanya atas nama agama. Contohnya, seseorang itu akan mengerjakan sembahyang yang wajib tepat pada masanya atau mengamalkan sembahyang malam supaya dikenali sebagai orang yang alim dan takutkan Allah oleh rakan-rakan rapat atau oleh orang-orang kebanyakan.

Akibat-akibat buruk *riya'*.

□ Orang yang sedang menderita penyakit *riya'* tidak menyedari bahawa walaupun ia terkenal di kalangan orang ramai, cendekiawan atau bangsawan, ia adalah seorang yang hina di sisi Raja segala raja iaitu Allah, dan segala perbuatannya akan membawanya ke *Sijjin*, iaitu neraka yang paling bawah.

□ *Riya'* selalunya wujud dalam diri seseorang bersama-sama dengan sikap buruk yang lain. Salah satu sikap ini ialah *sum'ah*, yang bermaksud memberitahu orang ramai kebaikan diri sendiri dengan tujuan untuk menarik perhatian mereka dan menjadikan diri sendiri terkenal.

Seseorang yang *riya'* selalunya suka memalukan orang lain, dan menyakiti hati saudara sesama agama. Ia selalunya biadap kepada orang alim dan berlagak sombong bagi menunjukkan dirinya sebagai orang yang lebih pandai.

□ Jika *riya'* sudah lama bersarang di dalam hati seseorang, ia akan menjadikan seseorang itu sebagai seorang munafik. Setiap daripada sifat buruk ini adalah cukup untuk membuatkan seseorang itu dilemparkan ke dalam neraka.

□ Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh AhlulBait Nabi (AS) menyatakan bahawa seseorang yang *riya'* iaitu seorang yang menunjukkan ketaatannya kepada agama, mempamirkan kedudukan keagamaannya yang tinggi, mencari pengetahuan, melakukan dakwah, mengimami sembahyang, berpuasa dan amalan-amalan saleh yang lain demi untuk mendapat penghormatan dalam hati orang ramai dan bukan untuk mendapat balasan Allah ialah seorang *musyrik*. Kesyirikan seorang yang *riya'* ini dijelaskan di dalam AlQur'an dan hadis-hadis tersebut sebagai dosa-dosa yang tidak diampuni.

□ Imam al-Sadiq (AS) ditanya mengenai tafsiran dan penjelasan ayat yang bermaksud '*sesiapa yang berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia amal yang saleh dan janganlah ia mempersekutukan sesuatuupun dalam beribadah kepada Tuhannya,*' (18:110) Imam al-Sadiq (AS) menjawab, "**Perbuatan seseorang yang berbuat kebaikan bukan dengan niat untuk diberi pengelihatan kepada Tuhannya, tetapi adalah untuk dianggap sebagai seorang yang alim, dan supaya orang ramai mengetahui mengenai semua perbuatannya, ia akan dianggap sebagai seorang daripada kalangan orang-orang musyrik yang menyengutukan Allah.**" Imam (AS) seterusnya menyambung lagi: "**Tiada sesiapa pun di dalam dunia ini yang menyembunyikan amalan baiknya dan setelah beberapa lama Allah tidak membongkarkannya. Dan tiada sesiapa di dalam dunia ini yang dapat menyembunyikan perbuatan jahatnya untuk selama-lamanya kerana kesemua perbuatan itu akan dibongkarkan oleh Allah sebelum ia meninggalkan dunia ini.**" [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, ms. 453]

Perbezaan tingkatan-tingkatan orang-orang beriman dan *awliya'*

Orang-orang yang bersikap mulia dan meninggalkan kesemua dosa-dosa adalah ditempatkan bersama-sama dengan *awliya' Allah*. Bagi orang-orang lain yang tidak tergolong dalam kumpulan ini, dosa-dosa dan kebaikan yang ada dalam diri mereka menentukan tingkatan spiritual mereka. Sikap mulia orang yang berada dalam tingkatan rendah mungkin adalah dianggap sebagai dosa oleh orang yang berada dalam tingkatan yang lebih tinggi. *Ikhlas* adalah tahap yang paling tinggi dalam pembebasan diri dari *riya'* dan adalah sifat yang dipunyai oleh para *awliya'*. Orang-orang biasa secara umumnya mempunyai keinginan semulajadi supaya kemuliaan mereka diketahui oleh orang lain. Walaupun berbuat demikian tidak merosakkan *keimanan* atau *keikhlasan* mereka, sifat yang sama adalah dianggap sebagai kekurangan dalam diri *awliya'*. Dan oleh kerana kedudukan mereka yang dekat dengan Allah, sifat ini mungkin dianggap sebagai *nifaq* atau *syirik*.

□ Imam al-Baqir (AS) telah ditanya berkenaan dengan kedudukan orang yang gembira apabila orang lain melihat perbuatan-perbuatan baik yang ia telah lakukan. Imam (AS) menjawab: "**Tiada keburukan dalam hal ini. Tiada orang yang tidak suka perbuatan baiknya diketahui oleh orang ramai. Tetapi ia tidak patut melakukan perbuatan-perbuatan itu untuk dikagumi oleh mereka.**" [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, ms. 297]